

31 OCT 1997

Sabbaruddin-Moro

RAKYAT MALAYSIA DIGESA BANTU YAYASAN SARANGBANGUN

KUALA UMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Rakyat Malaysia hari ini diminta menghulurkan sumbangan bagi membantu anak-anak yatim dan balu bekas Pejuang Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) di Mindanao, selatan Filipina.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata sumbangan kepada Yayasan Sarangbangun itu akan membantu menampung sara hidup keluarga dan pendidikan anak-anak mangsa perang itu.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan cek berjumlah RM23,692.91 sumbangan para perwakilan Perhimpunan Agung Umno bulan lepas kepada presiden Yayasan Sarangbangun Haji Edward Iblah Lim di sini.

Rayuan bagi sumbangan itu dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa perhimpunan Umno itu oleh wakil yayasan berkenaan di Malaysia, Ali Mamat, pengarang berita di Bernama.

Sabbaruddin yang juga Setiausaha Agung Umno berkata sikap pemurah rakyat Malaysia akan membantu mengurangkan beban hidup kira-kira 10,000 balu dan 50,000 anak-anak yatim bekas pejuang MNLF yang terkorban dalam konflik selama 28 tahun antara MNLF dan tentera kerajaan Filipina.

Konflik itu berakhir dengan penandatanganan perjanjian damai antara MNLF dan kerajaan Filipina September tahun lepas.

Yayasan Sarangbangun yang berpusat di bandaraya Zamboanga, Mindanao, diasaskan oleh Edward, seorang pekerja sosial Moro dan bekas ketua pengarang sebuah akhbar tempatan.

Edward berkata yayasan itu kini hampir ketiadaan wang kerana telah digunakan untuk pelbagai aktiviti membantu anak-anak yatim seperti mengadakan kelas tadika dan pinjaman kepada balu-balu berkenaan.

"Yayasan kini cuma mengharapkan penderma seperti "Safe The Children Fund Japan" yang akan menarik diri pada April setelah memberi bantuan kira-kira RM20,000 (200,000peso) setahun untuk kesihatan dan pendidikan selama lima tahun,"katanya.

Beliau berkata yayasan itu membelanjakan hampir RM100,000 (1 juta peso) setahun untuk program pembangunan sosial semata-mata. -- BERNAMA

NHD RON